

Di Atas Runtuhan Kota Melaka Kita Dirikan Negara Baru



Pengisytiharan Kemerdekaan di Bandar Hilir, Melaka
20 Februari 1956



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN & PELANCONGAN MALAYSIA
DAN
JABATAN MUZIUM DAN ANTIKUITI

.505
IA



Di Atas Runtuhan Kota Melaka Kita Dirikan Negara Baru

Beberapa tokoh pemimpin dan pengasas perjuangan nasionalis bangsa seperti Tunku Abdul Rahman mewakili UMNO, Datuk Tan Cheng Lock mewakili MCA dan Datuk V.T. Sambanthan mewakili MIC yang dihantar ke Pejabat Tanah Jajahan di London telah kembali membawa berita gembira ini dan mengisytiharkan di Padang Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956 yang disaksikan oleh ribuan rakyat dan disambut dengan kegembiraan serta air mata terharu kerana berjaya membebaskan negara ini dari cengkaman penjajah selama 400 tahun.

PENGENALAN

Generasi selepas Merdeka perlu diingatkan dari masa ke semasa mengenai peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah perjuangan kemerdekaan negara kita.

Gambaran sebenar peristiwa-peristiwa ini dapat membantu kita meningkatkan lagi ingatan tentang pengorbanan dan perjuangan generasi terdahulu dalam memartabatkan dan mendaulatkan negara ini sehingga kita mengecapi kemerdekaan. Jasa dan pengorbanan mereka baik yang terdahulu dan terkini, tetap segar dalam ingatan dan telah merangsang semangat perjuangan bangsa supaya lebih komited untuk membangunkan negara kepada tahap yang lebih cemerlang lagi.

Semangat yang diinspirasikan oleh tokoh-tokoh nasionalis berbilang bangsa dalam mendaulatkan negara ini seharusnya menjadi perangsang kepada seluruh rakyat Malaysia bagi meneruskan cita-cita negara untuk mencapai kecemerlangan yang dikagumi dunia.

Adalah menjadi kewajipan setiap rakyat memahami perjuangan, pengorbanan dan patriotisma secara bersungguh-sungguh untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang sejahtera, makmur dan berdaulat.

Editor

Dato' Tengku Alaudin Tengku Abd. Majid
Dato' Dr. Adi Haji Taha